



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009
BAHASA MELAYU
Kertas 1
September

1103/1

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]


Gambar di bawah menunjukkan ciri-ciri penjagaan kesihatan. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menjaga kesihatan dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.




Gaya Hidup Sihat



Sukan dan Riadah



Pemeriksaan Kesihatan



Penjagaan Makanan

Bagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan

1 Dunia remaja sering terdedah kepada pelbagai gejala sosial. Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.

2 Ibu bapa berperanan membentuk akhlak dan merupakan penentu kejayaan akademik anak-anak. Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

3 Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi pilihan masyarakat kini. Sebagai pegawai kesihatan, anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda. Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

4 Kenaikan paras air laut, kejadian banjir besar dan kemarau yang berpanjangan merupakan bencana alam yang berlaku hampir di seluruh dunia akibat perubahan iklim. Jelaskan tindakan masyarakat dunia dalam menghadapi bencana alam tersebut.

5 Generasi muda hari ini kurang berminat membaca karya sastra tempatan sedangkan karya tersebut banyak mendatangkan manfaat. Nyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastra kepada generasi muda.

KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**1 Dunia remaja sering terdedah kepada pelbagai gejala sosial.**

Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.

Diharapkan calon dapat menyatakan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Melengkapkan diri dengan ilmu keagamaan / memperkukuh jati diri.
 - 2.2 Memilih rakan sebaya yang baik.
 - 2.3 Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
 - 2.4 Sentiasa mematuhi nasihat ibu bapa dan guru.
 - 2.5 Sentiasa berfikiran positif dalam semua tindakan.
 - 2.6 Mendisiplinkan diri serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- 3.0 Kesimpulan

Mana-mana isi yang sesuai diterima.

2 Ibu bapa berperanan membentuk akhlak dan merupakan penentu kejayaan akademik anak-anak.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

Diharapkan calon dapat menyatakan pendapat tentang peranan ibu bapa dalam membentuk akhlak dan menentukan kejayaan akademik anak-anak.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Memberikan pendidikan agama dan pendidikan moral.
 - 2.2 Memberikan nasihat, teguran dan tunjuk ajar.
 - 2.3 Menjadikan diri sebagai contoh terbaik / idola terbaik kepada anak-anak.

- 2.4 Menyediakan keperluan pembelajaran yang sempurna kepada anak-anak.
 - 2.5 Menghantar anak-anak mengikuti kelas-kelas tambahan dan tuisyen.
 - 2.6 Memberikan dorongan dan motivasi.
- 3.0 Kesimpulan

Mana-mana isi yang sesuai diterima.

3 Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi pilihan masyarakat kini.

Sebagai pegawai kesihatan, anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

Diharapkan calon-calon dapat menyediakan teks ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda dengan menggunakan format yang betul.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.0 Mengurangkan daya ketahanan badan dalam jangka panjang.
 - 2.1 Melemahkan daya ingatan kepada golongan kanak-kanak.
 - 2.3 Menyebabkan obesiti / kegemukan.
 - 2.4 Tumbesaran badan yang tidak seimbang.
 - 2.5 Mudah mengalami keracunan makanan.
 - 2.6 Menimbulkan keraguan dari segi penyediaannya.
- 3.0 Kesimpulan.

- 4 Kenaikan paras air laut, kejadian banjir besar dan kemarau yang berpanjangan merupakan bencana alam yang berlaku hampir di seluruh dunia berpunca daripada perubahan iklim.**

Jelaskan tindakan masyarakat dunia dalam menghadapi bencana alam tersebut.

Diharapkan calon-calon dapat menjelaskan tindakan yang dapat dilakukan oleh masyarakat dunia untuk menghadapi bencana alam tersebut.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Sentiasa memulihara keseimbangan ekologi.
 - 2.2 Sentiasa sensitif dengan perubahan iklim yang berlaku.
 - 2.3 Membuat perancangan yang teliti bagi menghadapi bencana alam sekiranya berlaku.
 - 2.4 Kerjasama antara negara dalam konteks pertukaran maklumat.
 - 2.5 Menyediakan tabung kemanusiaan kepada negara-negara yang terbabit.
 - 2.6 Melantik tenaga-tenaga pakar dan pasukan penyelamat.
- 3.0 Kesimpulan.

- 5 Generasi muda hari ini kurang berminat membaca karya sastera tempatan sedangkan karya tersebut banyak mendatangkan manfaat .**

Nyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastera kepada generasi muda.

Diharapkan calon-calon dapat menyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastera dalam kalangan generasi muda.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Meningkatkan kemahiran dan kecekapan berbahasa.
 - 2.2 Memperoleh pengajaran untuk dijadikan teladan / ikhtibar.
 - 2.3 Membentuk peribadi mulia.
 - 2.4 Memupuk minat untuk menghasilkan karya.
 - 2.5 Menyokong perkembangan dunia penulisan tempatan.
 - 2.6 Mengenali lebih dekat lagi penulis-penulis sastera tanah air.

- 2.7 Menimbulkan keperihatinan masyarakat terhadap masalah yang dikemukakan dalam karya sastera tempatan.
- 3.0 Kesimpulan.

*Disediakan: Panel Pembinaan Item Bahasa Melayu SPM
Kertas 1 (1103/1) SPM 2009,
Jabatan Pelajaran Johor.*

Catatan: Garis Panduan Pemeriksaan ini dibekalkan hanya sebagai panduan dan rujukan guru-guru sahaja. Segala kelemahan yang terdapat harap dapat dibuat penambahbaikan.

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak
[Lihat sebelah

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan kegiatan kokurikulum dan kekangan-kekangan dalam pelaksanaannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kegiatan kokurikulum sebenarnya merupakan aktiviti-aktiviti luar bilik darjah yang menjadi *elemen sokongan* dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pelengkap bagi kurikulum di sekolah. Kegiatan ini adalah penting dalam mewujudkan keseimbangan antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial serta jasmani para pelajar. Sebenarnya kegiatan kokurikulum telah lama dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia tetapi pengamalannya masih tidak mencapai matlamat yang sepenuhnya. Hal ini memaksa pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil langkah positif bagi menjamin aktiviti kokurikulum dapat diuruskan dengan sempurna dan berkesan. Antaranya dengan menerbitkan buku panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah, melantik pegawai khas di pejabat pelajaran daerah dan negeri serta mewujudkan jawatan Guru Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah-sekolah.

Guru-guru yang memegang amanah hendaklah memberi komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan kokurikulum kerana kegiatan ini bukan sahaja mewujudkan interaksi dan memperkukuh integrasi dalam kalangan pelajar malah dapat meningkatkan minat dan kemahiran pelajar serta memperkembang bakat pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang disertai. Di samping itu, ibu bapa dan masyarakat pula perlu memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pihak sekolah untuk merealisasikan agenda pendidikan ini demi membantu pelajar-pelajar dalam proses pengukuhan dan pengayaan ilmu yang dipelajari di dalam bilik darjah serta perluasan pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu.

Kegiatan kokurikulum juga amat membantu dalam peningkatan disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai-nilai murni selari dengan hasrat Rukun Negara. Selaras dengan aktiviti kokurikulum yang merupakan satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang, kegiatan ini berjaya mewujudkan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan pelajar. Hubungan kerjasama dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dapat dipererat. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecemerlangan sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan malahan menyemarakkan semangat memasyarakatkan sekolah.

Apabila menyertai kegiatan kokurikulum ini, sebenarnya pelajar telah menambah nilai terhadap diri sendiri. Mungkin dalam kalangan pelajar ada yang tidak menyedari bahawa nilai tambah ini merupakan sesuatu yang sangat bernilai. Malah, akhir-akhir ini kegiatan kokurikulum menyumbangkan sepuluh peratus markah dalam proses pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Sesungguhnya agenda pendidikan negara yang mementingkan kesepaduan kurikulum dan kokurikulum perlu diteruskan demi membentuk modal insan yang berkualiti pada masa hadapan.

[Lihat sebelah
SULIT

Dengan kata lain, kita akan dapat menghasilkan modal insan yang berilmu dan berketerampilan selaras dengan hasrat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Hal ini telah dibuktikan dalam catatan sejarah bahawa pemimpin tersohor negara lahir daripada kalangan mereka yang aktif berpersatuan semasa zaman remajanya.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Matlamat Kokurikulum Tidak Boleh Dipandang Ringan
oleh Idris Ahmad,
Pendidik, Bil 13-2007.

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *elemen sokongan* [2 markah]
- (ii) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memastikan kegiatan kokurikulum terlaksana dengan berkesan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menarik minat para pelajar menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PUTRA : Selagi aku mengenal kau siapa, aku pasti dapat melihat segala gerak dan gayamu, meskipun mataku tertutup.

SRISEGALA : Baiklah orang buta! Katakan saja kalau benar Masayumu di sini, datangnya tidak pernah kujemput. Dan tidak pula aku menyuruh ia pergi. Kau bertanyalah pada hatinya sendiri.

PUTRA : Masayu! Akulah suamimu. Pulanglah ke rumah kita.

SRISEGALA : (*Bengis atau bosan*) Masayu! Katakan sendiri pada si buta ini. Apakah benar cintamu padanya sepanas matahari atau se segar embun pagi?

PUTRA : Katakanlah Masayu! Aku telah sedia tahu hatimu. Sudah sekian lama kita bersama. Kau yang selama ini meniupkan api semangat membara di dadaku, supaya aku bangkit dan memulakan perjuangan meruntuhkan sebuah gunung. Katakanlah di hadapan manusia yang ramai itu. Biar mereka menjadi saksi. Betapa besarnya cinta kasihmu padaku.

Masayu bangun perlahan dan turun merapati Putra. Tangannya meraba wajah Putra. Kemudian wajah itu direnungnya kosong. Dia naik semula tapi masih memandangi Putra.

MASAYU : Kau siapa? Tak pernah kudengar suaramu. Tak pernah kulihat wajahmu. Aku tak kenal padamu!

PUTRA: (*Menjerit*) Masayu!

Tuta Utama memukul gong sekali. Putra sujud kaku di lantai.

Muzik: Sayu menyayat hati seketika.

(Dipetik daripada drama *Kerusi*, Hatta Azad Khan dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Siapakah Masayu dalam petikan di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Masayu sudah tidak mengenali suaminya? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai lain yang terdapat dalam drama tersebut. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka diambilnya bayan tua seekor yang tinggal itu hendak disembelihnya. Maka kata bayan itu, "Hai budak, jika engkau bunuh aku, tiadalah akan kenyang engkau makan dagingku yang sekepal ini, melainkan engkau jualkanlah aku ini dengan harga dua ribu dinar boleh engkau makan sampai anak cucumu! Bawalah aku ini kepada raja di dalam negeri ini. Kudengar ada penyakit sopak pada kaki raja itu dan tangannya. Aku tahu ilmu tabib. Akulah mengubati dia."

Setelah didengar oleh budak itu, maka dibawanya bayan itu kepada raja itu. Apabila tiba ia kepada orang penunggu pintu raja, maka kata budak itu, "Hai penunggu pintu, tuan hamba persembahkanlah kepada raja bahawa adalah hamba berjual seekor burung bayan, tahu ia akan ilmu tabib! Maka harganya empat ribu dinar."

Maka oleh penunggu pintu itu dipersembahkannya kepada raja. Maka titah raja, "Bawalah ia masuk."

Setelah sudah budak itu masuk, maka titah raja, "Hai kanak-kanak, hendak dijualkan burungmu itu? Berapa harganya?"

(Dipetik daripada Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah kelebihan burung bayan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan cadangan bayan setelah ditangkap oleh budak itu? [3 markah]
- (iii) Setiap manusia menghadapi masalah dalam kehidupannya. Apakah yang perlu anda lakukan jika anda menghadapi sebarang masalah? [3 markah]

Soalan 2 (d) - Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

Zam Ismail

Dalam Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- i. Apakah maksud rangkai kata *memacu menghimpun kekuatan*.
[2 markah]
- ii. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mendisiplinkan pengguna jalan raya ?
[4 markah]
- iii. Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) antarabangsa
- (ii) kakitangan
- (iii) setiausaha
- (iv) tandatangan
- (v) tanggungjawab
- (vi) warganegara

[6 markah]

(b) Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Usaha memelihara alam sekitar perlu dilaksanakan oleh masyarakat secara bersungguh-sungguh.
- (ii) Nota-nota Sejarah itu telah diulang kaji oleh Imran sejak seminggu yang lalu.
- (iii) Segala kerja perlu awak siapkan sebelum pergi bercuti pada minggu hadapan.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Aktiviti sukan dapat mempupuk perpaduan antara kaum. Semasa bersukan, kanak-kanak dan remaja yang berbilang bangsa dapat berinteraksi dan saling memahami antara satu sama lain. Aktiviti sukan juga dapat menenang fikiran setelah penat bekerja di samping dapat mengurangkan tekanan dan dapat mengisi masa lapang. Dengan ini, remaja dapat menghindari diri daripada gejala negetif seperti merokok dan vandalisma.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kemerdekaan yang dinikmati oleh kita sekarang ialah hasil pemberian nenek moyang dan para pejuang bangsa.
- (ii) Ibu bapa memainkan peranan penting dalam melukiskan masa hadapan anak-anak dan memastikan mereka terhindar dari gejala sosial.
- (iii) Tujuan Konvensyen Patriotisme Remaja diadakan ialah untuk meningkatkan kualiti modal insan agar mempunyai rasa sayang dan cinta akan negara.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza yang terdapat dalam petikan ini.*

Dalam keadaan dunia yang sedang menghadapi kemelut ekonomi, masyarakat diingatkan supaya sentiasa mengawal perbelanjaan dan berjimat cermat. Mereka hendaklah berjimat dalam membelanjakan wang dan berjimat menggunakan sesuatu barangan supaya tidak menghadapi kesusahan. Mereka perlu menyimpan sebahagian daripada pendapatan walaupun sedikit tetapi berterusan pada setiap bulan. Simpanan ini penting untuk kegunaan pada masa kesempitan.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan kesan yang anda alami selepas membaca novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Huraikan peristiwa yang membuktikan nilai kerjasama dalam **dua** buah novel yang telah anda kaji.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**1 Dunia remaja sering terdedah kepada pelbagai gejala sosial.**

Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.

Diharapkan calon dapat menyatakan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Melengkapkan diri dengan ilmu keagamaan / memperkukuh jati diri.
 - 2.2 Memilih rakan sebaya yang baik.
 - 2.3 Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
 - 2.4 Sentiasa mematuhi nasihat ibu bapa dan guru.
 - 2.5 Sentiasa berfikiran positif dalam semua tindakan.
 - 2.6 Mendisiplinkan diri serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- 3.0 Kesimpulan

Mana-mana isi yang sesuai diterima.

2 Ibu bapa berperanan membentuk akhlak dan merupakan penentu kejayaan akademik anak-anak.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

Diharapkan calon dapat menyatakan pendapat tentang peranan ibu bapa dalam membentuk akhlak dan menentukan kejayaan akademik anak-anak.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Memberikan pendidikan agama dan pendidikan moral.
 - 2.2 Memberikan nasihat, teguran dan tunjuk ajar.
 - 2.3 Menjadikan diri sebagai contoh terbaik / idola terbaik kepada anak-anak.

- 2.4 Menyediakan keperluan pembelajaran yang sempurna kepada anak-anak.
 - 2.5 Menghantar anak-anak mengikuti kelas-kelas tambahan dan tuisyen.
 - 2.6 Memberikan dorongan dan motivasi.
- 3.0 Kesimpulan

Mana-mana isi yang sesuai diterima.

3 Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi pilihan masyarakat kini.

Sebagai pegawai kesihatan, anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

Diharapkan calon-calon dapat menyediakan teks ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda dengan menggunakan format yang betul.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.0 Mengurangkan daya ketahanan badan dalam jangka panjang.
 - 2.1 Melemahkan daya ingatan kepada golongan kanak-kanak.
 - 2.3 Menyebabkan obesiti / kegemukan.
 - 2.4 Tumbesaran badan yang tidak seimbang.
 - 2.5 Mudah mengalami keracunan makanan.
 - 2.6 Menimbulkan keraguan dari segi penyediaannya.
- 3.0 Kesimpulan.

- 4 Kenaikan paras air laut, kejadian banjir besar dan kemarau yang berpanjangan merupakan bencana alam yang berlaku hampir di seluruh dunia berpunca daripada perubahan iklim.**

Jelaskan tindakan masyarakat dunia dalam menghadapi bencana alam tersebut.

Diharapkan calon-calon dapat menjelaskan tindakan yang dapat dilakukan oleh masyarakat dunia untuk menghadapi bencana alam tersebut.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Sentiasa memulihara keseimbangan ekologi.
 - 2.2 Sentiasa sensitif dengan perubahan iklim yang berlaku.
 - 2.3 Membuat perancangan yang teliti bagi menghadapi bencana alam sekiranya berlaku.
 - 2.4 Kerjasama antara negara dalam konteks pertukaran maklumat.
 - 2.5 Menyediakan tabung kemanusiaan kepada negara-negara yang terbabit.
 - 2.6 Melantik tenaga-tenaga pakar dan pasukan penyelamat.
- 3.0 Kesimpulan.

- 5 Generasi muda hari ini kurang berminat membaca karya sastera tempatan sedangkan karya tersebut banyak mendatangkan manfaat .**

Nyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastera kepada generasi muda.

Diharapkan calon-calon dapat menyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastera dalam kalangan generasi muda.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
 - 2.1 Meningkatkan kemahiran dan kecekapan berbahasa.
 - 2.2 Memperoleh pengajaran untuk dijadikan teladan / ikhtibar.
 - 2.3 Membentuk peribadi mulia.
 - 2.4 Memupuk minat untuk menghasilkan karya.
 - 2.5 Menyokong perkembangan dunia penulisan tempatan.
 - 2.6 Mengenali lebih dekat lagi penulis-penulis sastera tanah air.

- 2.7 Menimbulkan keperihatinan masyarakat terhadap masalah yang dikemukakan dalam karya sastra tempatan.
- 3.0 Kesimpulan.

*Disediakan: Panel Pembinaan Item Bahasa Melayu SPM
Kertas 1 (1103/1) SPM 2009,
Jabatan Pelajaran Johor.*

Catatan: Garis Panduan Pemeriksaan ini dibekalkan hanya sebagai panduan dan rujukan guru-guru sahaja. Segala kelemahan yang terdapat harap dapat dibuat penambahbaikan.

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan faedah aktiviti kokurikulum.

Isi Tersurat [4 – 12 markah]

- | | | |
|----|---|----|
| 1 | Mewujudkan keseimbangan antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial serta jasmani para pelajar | 2m |
| 2 | Mewujudkan interaksi dan memperkukuh integrasi dalam kalangan pelajar | 2m |
| 3 | Meningkatkan minat dan kemahiran serta memperkembang bakat pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang disertai. | 2m |
| 4 | Membantu pelajar-pelajar dalam proses pengukuhan dan pengayaan ilmu yang dipelajari di dalam bilik darjah | 2m |
| 5 | Perluasan pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu. | 2m |
| 6 | Membantu dalam peningkatan disiplin pelajar | 2m |
| 7 | Mewujudkan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan pelajar. | 2m |
| 8 | Hubungan kerjasama dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dipererat | 2m |
| 9 | Menambah nilai terhadap diri sendiri | 2m |
| 10 | Kegiatan kokurikulum menyumbangkan sepuluh peratus markah dalam proses pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). | 2m |

Isi tersirat [4 – 12 markah]

- | | | |
|---|---|----|
| 1 | Ibu bapa tidak memahami kepentingan kokurikulum / menganggap tidak penting | 2m |
| 2 | Pihak pentadbir dan guru yang masih gagal memahami konsep dan matlamat kokurikulum. | 2m |
| 3 | Pelaksanaan / aktiviti kokurikulum tidak menarik / tidak menyeronokkan | 2m |
| 4 | Orientasi peperiksaan yang masih diutamakan oleh ibu bapa / masyarakat | 2m |
| 5 | Kekangan masa / pertindanan dengan tanggungjawab lain dalam kalangan pelajar / guru | 2m |
| 6 | Pengaruh persekitaran / rakan sebaya | |
| 7 | Sikap pelajar | |

Kesimpulan

- | | | |
|---|---|----|
| 1 | Kesimpulannya, semua pihak hendaklah berusaha memperkasakan kegiatan kokurikulum demi melahirkan warganegara yang cemerlang / berwawasan. | 2m |
| 2 | Kesimpulannya semua pihak hendaklah menggembelng tenaga dalam menggiatkan aktiviti kokurikulum demi membina kecemerlangan pelajar. | 2m |

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas
	15 – 17	7 – 9	- Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	8 – 11	4 – 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[Markah Bahasa, **Maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh 35 dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat** yang **sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan umum

- | | | |
|-----|--|-----------------------------|
| i | Maksud | 2 |
| | - unsur / perkara yang membantu | |
| | | [maksimum: 2 markah] |
| ii | Langkah kerajaan: | 1 |
| | - menerbitkan buku panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah | 1 |
| | - melantik pegawai khas di pejabat pelajaran daerah dan negeri | 1 |
| | - mewujudkan jawatan Guru Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah-sekolah. | 1 |
| | | [maksimum: 3 markah] |
| iii | Cara menarik minat pelajar menyertai aktiviti kokurikulum: | |
| | - melaksanakan aktiviti yang lebih menarik | 1 |
| | - menyediakan prasarana yang mencukupi | 1 |
| | - menyediakan jurulatih / guru yang mahir | 1 |
| | - menyediakan ganjaran | 1 |
| | - kempen / promosi kepentingan kegiatan kokurikulum | |
| | | [maksimum: 4 markah] |

Soalan 2 (b) : Petikan drama

- | | | |
|-----|--|---|
| (i) | Masayu ialah | |
| | - isteri Putra | 1 |
| | - orang yang meniupkan api semangat kepada Putra | 1 |
| | - orang yang menyuruh Putra bangkit dan memulakan perjuangan | 1 |
| | - orang yang sudah lama bersama-sama Putra | 1 |
| | - orang yang sangat dikasihi oleh Putra | 1 |
| | - orang yang memahami hati Putra | |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Masayu tidak mengenali suaminya

- dikaburi harta 1
- dipengaruhi oleh Srisegala 1
- dikuasai pangkat dan darjat 1
- Masayu berpura-pura tidak mengenali suaminya 1
- terkena ilmu sihir / guna-guna 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Nilai murni dalam petikan

- nilai kasih sayang. Contohnya Putra berusaha agar Masayu mengenalnya dan kembali kepadanya. 2
- Nilai dalam drama
- Nilai keberanian. Contohnya Putra berani menentang kekuasaan Srisegala walaupun dia diseksa hingga menjadi buta 2
 - Nilai ketaatan. Contohnya Tuta I, II dan III mentaati perintah Srisegala supaya menangkap Putra. 2
 - Nilai pengorbanan. Contohnya Masayu sanggup berjumpa dengan Srisegala untuk merayu supaya Srisegala membebaskan suaminya. 2

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (c) : Prosa klasik

(i) Kelebihan burung bayan :

- Tahu ilmu tabib / perubatan / boleh mengubati penyakit / pesakit

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Cadangan bayan

- Tidak membunuhnya (kerana dagingnya yang sedikit tidak mengenyangkan) 1
- Menjualnya dengan harga dua ribu dinar (kerana hasil jualan itu mendatangkan pendapatan yang lumayan) 1
- Menjualnya kepada raja negeri itu (supaya bayan dapat mengubati penyakit sopak raja) 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Tindakan;

- Bertenang / tidak bertindak mengikut perasaan 1
- Berusaha mencari penyelesaian 1
- Berunding dengan pihak yang berkenaan 1
- Mendapatkan nasihat daripada orang yang berpengalaman 1
- Berdoa 1

[Maksimum: 3 markah]**Soalan 2 (d) Petikan puisi**

(i) Maksud

- berusaha mengumpulkan keupayaan / segala tenaga

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Langkah-langkah

- Menkuatkuasakan peraturan jalan raya / mengadakan pemantauan / menjalankan operasi dengan lebih kerap 1
- kempen keselamatan jalan raya 1
- Pendidikan keselamatan jalan raya sejak di peringkat sekolah 1
- Mengenakan hukuman yang maksimum / berat 1
- Penambahbaikan kurikulum sekolah memandu 1

[Maksimum: 4 markah]

(iii) Pengajaran yang terdapat dalam sajak

- Kita hendaklah bersikap sabar ketika berada di jalan raya 1
- Kita haruslah bersopan santun di jalan raya 1
- Kita mestilah mengelakkan diri daripada bersikap sombong 1
- Kita hendaklah menghindari sikap suka bertindak mengikut perasaan 1
- Kita hendaklah mematuhi peraturan jalan raya 1
- Kita hendaklah mengamalkan sikap berperikemanusiaan semasa berada di jalan raya 1

[Maksimum: 3 markah]

Peraturan Pemarkahan

Soalan 3

Marlah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian Bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

- 3(a)
- (i) antarabangsa – antara atau dalam kalangan negara-negara
 - (ii) kakitangan – pekerja, pembantu
 - (iii) setiausaha – orang yang diambil bekerja untuk menguruskan urusan surat-menyurat, pegawai yang mengendalikan pentadbiran
 - (iv) tandatangan – nama yang ditulis oleh orang itu sendiri
 - (v) tanggungjawab – kewajipan yang dipikul oleh seseorang
 - (vi) warganegara – rakyat sesebuah negara

[Maksimum: 6 markah]

- 3(b)
- (i) Masyarakat perlu melaksanakan usaha memelihara alam sekitar secara bersungguh-sungguh. 2
 - Masyarakat perlu melaksanakan usaha memelihara alam sekitar 1
 - (ii) Imran telah mengulang kaji nota-nota Sejarah itu sejak seminggu yang lalu. 2
 - Imran telah mengulang kaji nota-nota Sejarah itu. 1
 - (iii) Awak perlu menyiapkan segala kerja sebelum pergi bercuti pada minggu hadapan. 2
 - Awak perlu menyiapkan segala kerja sebelum pergi bercuti. 1

[Maksimum: 6 markah]

3(c) **kesalahan ejaan**

disamping - di samping
 negetif - negatif
 vandalisma - vandalisme

Kesalahan imbuhan

Mempupuk - memupuk
 Menenang - menenangkan
 Menghindari - menghindarkan

[Maksimum: 6 markah]

- 3(d)
- | | | | |
|-------|----------------------------------|---|---------------------------------|
| (i) | dinikmati oleh kita
pemberian | - | kita nikmati
pengorbanan |
| (ii) | melukiskan
dari gejala | - | mencorakkan
daripada gejala |
| (iii) | ialah untuk
rasa sayang | - | adalah untuk
perasaan sayang |

[Maksimum: 6 markah]

- 3(e)
- ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
 - sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
 - sediakan payung sebelum hujan

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Berikan 2 markah bagi setiap **kesan** dan contoh yang jelas.
(iv) Markah isi maksimum 4 markah
(v) Markah bahasa maksimum 3 markah.
(vi) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
Baik = 3 markah
Sederhana = 2 markah
Lemah = 1 markah
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(viii) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk setiap isi yang lengkap.
(iv) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
(v) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(vi) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
Baik = 2 markah
Lemah = 1 markah
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

(4 a) Kesan

Novel Di Hadapan Pulau.

1. **Sedih** – Contoh : Aziz yang masih terlalu muda, terpaksa mengharungi hidup melarat dan kebuluran sebagai mangsa perang / Aziz juga yatim piatu yang terpaksa menumpang di rumah ibu saudaranya / Aziz selalu menangis apabila merindui ayahnya.
2. **Benci** – Contoh : Tentera Jepun yang kejam mendera orang-orang kampung yang tidak berdosa.
3. **Simpati** – Contoh : Mak cik Joyah didera oleh suaminya Budin ketika dia mabuk / Afidah sentiasa bersedih selepas kematian datuknya Tok Marzuki.
4. **Marah** – Contoh : Syed Zuhri sanggup menjual batu akik palsu dengan harga yang mahal kerana mementingkan diri sendiri sedangkan orang lain sengsara. / Pencuri-pencuri mencuri hasil tanaman orang lain tanpa mahu berusaha sedangkan orang lain yang bersusah payah tidak dapat menikmati hasilnya.
5. **Bersemangat** – Contoh: Penjajahan kuasa asing seperti British dan Jepun menyebabkan rakyat negara kita sengsara lalu menimbulkan semangat patriotik untuk mempertahankan negara agar tidak dijajah lagi.
6. **Terkejut** – Contoh : Kapten Hebat makan seekor monyet bernama Mokmeng.
7. **Tertanya-tanya** – Contoh : Misteri Pulau Jakun

Novel Putera Gunung Tahan.

1. **Gembira** – Contoh: Ratu Bongsu akan berkahwin dengan Mem William dan mereka mengimpikan seorang anak lelaki.
2. **Benci** – Contoh: Tuan Robert dan Tuan William suka menghina agama dan adat bangsa lain seperti agama Islam dan adat masyarakat Sakai.
3. **Simpati** – Contoh: Perempuan Tua terpaksa melahirkan anak seorang diri di kaki Gunung Tahan kerana ditinggalkan oleh rakan-rakan suaminya.
4. **Marah** – Contoh: Tuan William mengambil kesempatan atas kebaikan Ratu Bongsu dengan menyalahgunakan burung pesuruh jaya untuk menghantar utusan supaya kerajaan British menyerang puncak Gunung Tahan.
5. **Bersemangat** – Contoh: Percubaan Tuan William dan Tuan Robert untuk menguasai negeri orang ditentang oleh Ratu Bongsu boleh menimbulkan semangat patriotik untuk mempertahankan negara agar tidak dijajah lagi.
6. **Hairan** – Contoh : Pohon beringin boleh bercakap.
7. **Bangga** – Contoh : Perempuan Tua enggan menjual kulit harimau putih kepada tuan Robert

4 (b) Nilai kerjasama

DI HADAPAN PULAU	PUTERA GUNUNG TAHAN
Penduduk kampung membina shelter untuk perlindungan / Dorani, Zubir dan Raihan bekerjasama membina shelter untuk Mak Ketong.	Orang Sakai mengadakan majlis meraikan pelantikan Tuan Robert sebagai Batin Putih.
Aziz bekerjasama dengan Syed Fikri menanam sayur.	Masyarakat Sakai bekerjasama bercucuk tanam dan memburu sebagai punca rezeki.
Aziz dan Afidah bekerjasama membeli todi untuk mendapatkan upah.	Tuan William dan Tuan Robert bersama-sama mendaki puncak Gunung Tahan untuk mendapatkan ganjaran lima ribu paun.
Aziz dan Afidah bekerjasama mencari makanan di kubu lama.	Masyarakat Sakai bekerjasama menjaga Perempuan Tua yang baru melahirkan anak.
Sojar Jepun bekerjasama menjaga jambatan yang menjadi laluan keluar masuk penduduk kampung.	Pahlawan-pahlawan Melayu seperti Bahaman, Mat Gajah, Mat Kilau dan lain-lainnya bekerjasama mempertahankan negeri Pahang daripada dijajah.
	Orang Sakai bekerjasama merawat Mem William yang cedera parah dalam kejadian kapal terbang terhempas di puncak Gunung Tahan.
	Orang-orang Sakai bekerjasama menjaga Tuan Robert dalam tahanan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT